

Newspaper	Utusan Melayu
Date	03/08/2017B

Dedah maklumat kad pengenalan asal Dr. Mahathir

Zahid tidak salah

UM-3/8/2017 pg. 5

Oleh **SITI NORHAWA MOHD. ALI**
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 2 OGOS

MAKLUMAT yang dide-
dahkan Timbalan Per-
dana Menteri, Datuk
Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi
berkenaan kad pengenalan asal
Pengerusi Parti Pribumi Bersatu
Malaysia (PPBM), Tun Dr. Ma-
hathir Mohamad adalah sah
dan benar.

Timbalan Menteri Dalam Ne-
geri, Datuk Nur Jazlan Mohamed
berkata, tindakan Ahmad Zahid
yang mendedahkan maklumat
kad pengenalan Dr. Mahathir
adalah tidak menyalahi undang-
undang kerana maklumat yang
tercatat di atas kad pengenalan
seseorang merupakan maklumat
awam yang tidak sulit.

Menurut Nur Jazlan, sekira-
nya ada pihak yang tidak mem-
percayai apa yang didedahkan
Ahmad Zahid itu, beliau menga-
lu-alukan pihak tersebut untuk



**Pihak Polis Diraja
Malaysia (PDRM) akan
menjalankan siasatan
dan sekali lagi saya
katakan, maklumat di
atas kad pengenalan
bukan maklumat sulit
dan tidak menyalahi
undang-undang
untuk berkongsi
dengan awam."**

NUR JAZLAN MOHAMED
Timbalan Menteri Dalam Negeri

memeriksa rekod nama semasa
pendaftaran pengajian Dr. Ma-
hathir dahulu.

"Pihak Polis Diraja Malaysia
(PDRM) akan menjalankan sia-
satan dan sekali lagi saya kata-
kan, maklumat di atas kad pe-

ngenalan bukan maklumat sulit
dan tidak menyalahi undang-
undang untuk berkongsi dengan
awam.

"Apa yang dikatakan Ahmad
Zahid itu adalah benar cuma ada
pihak yang mengambil peluang
untuk mempolitikkan perkara
ini kerana takut sokongan terha-
dap Dr. Mahathir akan berkurang
kerana pendedahan terse-
but," katanya kepada pemberita
selepas melawat Pusat Menge-
san Maklumat Pelarian (TRIS) di
sini hari ini.

Ahmad Zahid baru-baru ini
mendedahkan bahawa kad pe-
ngenalan asal Dr. Mahathir ada-
lah Mahathir anak lelaki Iskandar
Kutty dan bukan Mahathir Mo-
hamad.

Berikutan itu, Koordinator
Deklarasi Rakyat, Datuk Seri
Khairuddin Abu Hassan mem-
buat laporan polis terhadap Ah-
mad Zahid dan Ketua Pengarah
Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)
atas dakwaan mendedahkan
maklumat peribadi Dr. Mahathir.